



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERMINTAAN NANAS MORRIS KURANG DISEBABKAN PKP 2.0, N.SEMBILAN.JOHOR, SINAR HARIAN-26	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
2.	PEKEBUN PELBAGAIKAN PRODUK BERASASKAN NANAS, NASIONAL, BERITA HARIAN-22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	SERANGAN PENYAKIT SERANGGA LEBIH SERIUS,DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-11	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
4.	FARMERS SELLING PINEAPPLES AT RM1 EACH TO CUT LOSSES, NATION, THE STAR-12	LAIN – LAIN
5.	BEKAS GURU AGAMA TERNAK 100 DHAB DI LAMAN RUMAH, NASIONAL, BERITA HARIAN-26	
6.	PENTERNAK RUGI HARIMAU SERANG SEJAK SEDEKAD LALU, LOKAL, HARIAN METRO, 4	
7.	TERAPI PERTANIAN PPDK TELUK BAHANG, GAYA TANI, UTUSAN MALAYSIA-24	
8.	BERKEBUN PULIHKAN IMEJ, GAYA TANI, UTUSAN MALAYSIA-25	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pekebun pelbagaikan produk berasaskan nanas

Batu Pahat: Pekebun nanas moris di sini, mengambil inisiatif lebih agresif untuk memasarkan hasil tanaman bagi mengelak lambakan buah tidak terjual, sekali gus merugikan mereka.

Bagi Mohd Farid Mohd Yusoff, 31, dia berusaha menjual hasil nanas diusahakan dengan mempergiatkan lagi pasaran di sekitar kawasan setempat.

Susulan itu, katanya, pihaknya mengeluarkan produk kecil-kecilan berasaskan nanas seperti buah potong segar dan halwa nanas mengikut selera masyarakat tempatan, selain memasarkannya menerusi media sosial.

"Saya juga berterima kasih kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang turut memberi bantuan dan mempromosikan hasil tanaman nanas pekebun," katanya.

Sebelum ini, isu pekebun nanas moris yang berdepan masalah menjual hasil pertanian mereka hingga mengalami kerugian dan



Mohd Farid memajukan nanas moris dan kebunnya di Batu Pahat.

(Foto Essa Abu Yamaq /BH)

pada masa sama, kerajaan diktakan tidak mengambil sebarang tindakan untuk menangani masalah berkenaan, tular di media sosial.

Pekebun, Mohd Apandi Mu-

nanas moris agak kurang mendapat sambutan daripada segi pasaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini.

"Sebelum ini, saya menjual nanas moris kepada orang ramai yang mengadakan majlis kenduri kendara, sektor perhotelan dan restoran, namun disebabkan kekurangan pelaksanaan PKP seharian bekalan nanas yang ada tidak dapat dipasarkan secara menyeluruh.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata masalah pasaran nanas moris dilaporkan hanya berlaku di daerah Batu Pahat, Klwang dan Pontian, membabitkan sebilangan pekebun nanas moris.

"Ta berlaku kerana pembatalan pembelian oleh pihak pemborong terhadap pekebun mengikut jumlah pengeluaran yang ditetapkan dan mengakibatkan nanas tidak dapat dijual seperti biasa.

"Pihak LPNM bersama FAMA sudah mengambil langkah proaktif dengan melakukan pemantauan awal terhadap pekebun di lapangan," katanya dalam kenyataan di sini.

Sahrudin berkata, LPNM juga menawarkan inisiatif bantuan pasaran kepada pekebun terjejas dengan pembelian oleh pihak FAMA dan pemadanan bersama pihak kilang pengetinan.

"Pihak LPNM dan FAMA akan mengadakan rundingan dengan pihak kilang pengetinan dan melaksanakan pemadanan pasaran dengan pihak pemborong serta peruncit yang memerlukan.

"Perkara ini masih dalam kawalan kerana pengeluaran nanas adalah secara berjadual dan berperingkat serta yakin dengan pembuktian sektor ekonomi dan pergerakan lokaliti yang lebih luas secara berperingkat, ia jangka dapat memberi kesan pasaran yang positif bagi pasaran buah nanas," katanya.



PESAWAH di Kampung Padang Luar, Alor Setar, Kedah mengadu masalah serangan penyakit dan serangga menyebabkan hasil tuaian padi merosot. - **UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

Serangan penyakit, serangga lebih serius

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Kebanyakan pesawah di sini mendakwa pengeluaran hasil padi pada musim ini berkurangan antara 15 hingga 20 peratus berbanding musim lalu.

Pesawah mendakwa, ini disebabkan serangan penyakit dan serangga lebih serius.

Pesawah, **Aziz Abd. Rahman**, 51, dari Kampung Padang Luar di sini berkata, kebiasaannya tuaian padi pada musim kemarau berkurangan disebabkan pokok padi lebih mudah diserang penyakit dan serangga berbanding pada musim hujan.

Bagaimanapun katanya, serangan penyakit dan serangga lebih serius walaupun mereka

menggunakan benih padi sah dikeluarkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Menurutnya, pihak pengilang pula membuat potongan pemu-tuan padi antara 20 hingga 25 peratus pada musim ini.

"Saya mengusahakan padi di kawasan seluas 0.576 hektar dan musim lalu, saya dapat menuai 4,400 kilogram padi namun musim ini 3,600 kilogram sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Bakri Mohd. Ariffin, 43, pula berkata, dia menggunakan benih padi MR197 yang dikeluarkan MADA di kawasan seluas 0.864 hektar namun hasil yang diperoleh berkurangan.

Katanya, keadaan tersebut berlaku kerana serangan pe-

nyakit dan serangga yang mero-sakkan pokok dan padi.

"Antaranya penyakit hawa bulir bakteria, penyakit hawa daun bakteria, karah padi, bena perang dan padi angin," katanya.

Seorang lagi pesawah, **Ahmad Hisham**, 44, berkata, dia mula menanam padi seluas 0.864 hektar pada November lalu dan mulai dituai kelmarin.

Katanya, pengeluaran padi merosot disebabkan tanaman tersebut mudah diserang penyakit dan serangga.

"Saya membelanjakan lebih RM500 untuk membeli pelbagai jenis racun bagi mengawal ancaman penyakit dan serangga dari awal tanam sehingga pokok padi berbuah," katanya.

Farmers selling pineapples at RM1 each to cut losses

PINEAPPLE farmers in Johor had to sell their produce at RM1 each to cut their losses due to overproduction as demand for the fruit dropped during this movement control order period, *Sinar Hartian* reported.

Ismail Basiran, 57, said he suffered a big financial loss after 5,000 Morris and Josephine pineapples, which are usually used in cooking, especially for weddings, turned bad after a late harvest since last week. He added that to avoid further

loss, he needed to ensure that 20,000 mature pineapples from his 6ha land were sold.

"Due to MCO 2.0, the marketing chain of the pineapples has been badly affected as the big ceremonies which use pineapples cannot be carried out," the farmer at Kampung Parit Haji Ali Darat in Parit Raja, Batu Pahat, said.

Marketing his produce via Facebook has paid off as he received an overwhelming response from

the public.

Another farmer in Kampung Parit Betak, Pontian, Mohd Mazlan Khairul, 56, has adopted a similar approach in marketing his pineapples at only RM1 each.

"Instead of selling them at RM1.50 a piece as before, I offered the fruit for only RM1 on Facebook in the past few days," he said.

> Model Alicia Amin tied the knot with a doctor in a ceremony at Masjid Saidina Umar Al-Khattab in

Bukit Damansara, Kuala Lumpur, on Valentine's Day, *Harian Metro* reported.

Alicia, 26, whose real name is Raja Alicia Raja Amin, shared the news via her Instagram account.

"Hard Valentines gift to top @zan_far," the popular actress of crime series *The Bridge* posted.

News of the couple's wedding solemnisation was also shared by renowned make-up artist Khir Khalid.

Bekas guru agama ternak 100 dhab di laman rumah

Potensi komersial dorong Azhar berhenti mengajar

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
binews@dh.com.my

Taiping: Bermula dengan sepasang dhab atau biawak padang pasir yang dibawa dari Mesir ke tanah air pada tahun 1994, kini seorang bekas guru agama sekolah mampu tersenyun puas apabila itu di laman rumah sendiri bagi tujuan komersial.

Berbeza dengan biawak spesies lain, dhab adalah spesies yang bahal dimakan umat Islam dan biasanya menjadi makanan pendu-

duk di negara Asia Barat khususnya padang pasir seperti Mesir dan Arab Saudi, selain dipercayai berkhasiat dari segi kesihatan.

Azhar Mohamad Shafawi, 49, berkata, minat memelihara haiwan itu bermula ketika masih menuntut di Universiti Al-Azhar. Mesir pada awal 90-an bagi merjau pendapatan untuk membiaya pengajiannya ketika itu, melalui penghasilan minyak dhab yang dipelajari daripada rakan sekuliah.

Katanya, ketika itu masih tiada peruntukan undang-undang yang menghalang daripada membawa haiwan peliharaan dari negara luar ke Malaysia menaiki pesawat komersial biarpun perlu mendapatkan permit untuk memeliharanya. Beliau berkata, justeru kesukaran mendapatkan haiwan itu di negara ini sehingga sekarang, selain tempoh tumbesaran yang sangat panjang hingga mencapai ratusan tahun menjadikan

harga seekor dhab yang sudah matang pasir seperti RM5,000 seekor. "Bermula dengan hanya sepasang induk jantan dan betina, bilangan dhab yang saya ternak kian bertambah.

"Walaupun tempoh tumbesaran agak lambat, seekor dhab betina yang mencapai usia matang, iaitu tujuh tahun mampu menghasilkan 20 hingga 70 telur. "Menternakinya juga tidak begitu sukar memandangkan ia hanya memakan sayur-sayuran yang tinggi kadar air serta kekacang sebagai sumber protein, selain daya ketahanannya yang tinggi khususnya apabila cuaca panas dan kering.

"Haiwan pemangsanya juga tidak banyak serta dapat hidup bersama haiwan berbisas seperti kala jengking dan ular memandang kan haiwan pemangsa dhab yang diketahuinya hanya burung helang," katanya ketika ditemui di rumah-



Azhar menunjukkan dhab yang sudah matang ditemak di halaman rumahnya di Kampung Expo, Karamunting, Taiping, semalam.

(Foto: Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BHT)

untuk mereka 'berteduh' dan bersembunyi," katanya.

Melihat potensi komersial yang tinggi, Azhar berkata beliau sanggup meninggalkan pekerjaannya sebelum ini sebagai guru agama sekolah kerajaan pada 1998 bagi menumpukan sepenuh perhatian terhadap usaha itu.

Dibantu enam pekerja, Azhar berkata, sehingga kini dia sudah mempunyai kira-kira 100 ejen un-

tuk memasarkan produk dihasilkan di bengkel yang juga terletak dalam pekarangan rumahnya itu, membabitkan minyak urut, pil kapsul pati dhab serta serbuk kopi campuran pati dhab.



Setiap tahun jadi korban

Penternak rugi harimau serang sejak sedekad lalu

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmc-tro.com.my

SUMANI (kanan) menunjukkan cebisan bangkai lembu miliknya yang mati diserang harimau di Kampung Lubuk Perliuk, Kuala Berang.



PENTERNAK bimbang serangan harimau berlaku berterusan sejak 10 tahun lalu.

Kuala Berang

Seorang penternak lembu di Kampung Lubuk Perliuk di sini, menanggung kerugian hampir RM40,000 apabila 20 lembunya dibaham harimau belang sejak 10 tahun lalu.

Serangan terbaharu dilaporkan berlaku pada Khamis dan Sabtu lalu menyebabkan dua lembu milik Sumani Mohamad, 59, dibaham binatang buas itu.

Selain menanggung kerugian puluhan ribu ringgit, Sumani meluahkan rasa bimbang diserang haiwan itu ketika menguruskannya di kandang berkenaan.

Sumani berkata, gangguan pak belang itu sudah membelenggunya sejak 2011 dan setiap tahun lembu yang diternakannya mati dibaham harimau belang.

"Kejadian terbaharu disedari pada Khamis lalu apabila saya yang tiba di kandang ternakan jam 7 pagi terkejut melihat seekor lembu mati dibaham harimau dan kejadian kedua berlaku pada Sabtu.

"Boleh dikatakan setiap tahun, pasti ada ternakan menjadi korban dan kebiasaannya empat hingga enam lembu yang diternak akan mati setiap tahun akibat serangan binatang buas itu.

"Kejadian ini bukan sahaja menyebabkan saya menanggung kerugian, tetapi turut dihantui kebimbangan keselamatan diri sendiri ketika berada di kandang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr Abdul Malek Mohd Yusof ketika dihubungi berkata, siasatan lanjut

berhubung insiden itu akan dilakukan sebelum tindakan lanjut diambil.

Empat hingga enam lembu diternak mati setiap tahun diserang binatang buas

Oleh SAFWA RAMLI
gaya.utusan@mediamalaysia.com.my

KETIKA melangkah masuk ke Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Teluk Bahang, Pulau Pinang pandangan mata pelawat pasti tertarik dengan laman hijau yang memenuhi ruang halaman pusat berkenaan.

Menggunakan konsep kebun bandar, setiap ruang di PPDK Teluk Bahang dimanfaatkan sepenuhnya dan dipenuhi dengan lebih daripada 10 sayur-sayuran seperti salad, daun kesum, kobis, pudina, kunyit serta tumbuhan hiasan yang lain.

Sayuran segar seperti salad, pudina dan daun kesum yang ditanam menggunakan kaedah tanaman terkini seperti hidroponik itu, merupakan ruang yang istimewa untuk tujuh petugas dan 42 pelatih di PPDK berkenaan.

Laman hijau berkenaan adalah ruang terapi bagi pelatih-pelatih serta merupakan program pendayaupayaan ekonomi yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Terapi pertanian PPDK Teluk Bahang

khusus untuk menyediakan para pelatih berdikari.

Ada ketikanya, anak-anak kecil terutama pelatih autisme akan dibawa ke kawasan kebun berkenaan bagi menyegarkan minda dan mood mereka.

Bagi penyelia PPDK Teluk Bahang, Siti Ropiah Bawa, 44,

laman hijau di PPDK Teluk Bahang itu merupakan bengkel pertanian hasil usaha daripada petugas dan pelatih bagi memastikan para pelatih di situ bersedia berdikari.

Selain itu, beliau berkata, laman hijau bengkel pertanian yang menggunakan konsep kebun bandar itu mula disediakan di PPDK Teluk Bahang sejak 2015 turut membantu pelatih menjalankan kegiatan ekonomi yang mampu menjana



Aktiviti pertanian ini sebagai terapi dan juga mendedahkan mereka kepada dunia sebenar alam pekerjaan."

PETUGAS PPDK
Teluk Bahang,
Siti Rahmah
Ramjan menyiram
pokok salad serta
tumbuhan hiasan
yang turut dijual.



PELATIH-PELATIH yang bertugas di bengkel pertanian bertanggungjawab dengan para pelanggan bagi membina keyakinan diri mereka. - UTUSAN/SAFIN

pendapatan mereka sendiri.

"Seramai lima pelatih yang berusia 18 hingga 35 tahun di PPDK ini dipilih untuk bertugas di kebun ini, mereka juga bertanggungjawab menjual sayur-sayuran kepada komuniti setempat di bawah seliaan petugas PPDK.

"Aktiviti pertanian ini sebagai terapi dan juga mendedahkan mereka kepada dunia sebenar alam pekerjaan.

"Kami berharap satu hari nanti pelatih dapat memperoleh keyakinan sendiri untuk meneroka alam pekerjaan dan menjana pendapatan sendiri," katanya ketika ditemui di PPDK Teluk Bahang, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Menurut Siti Ropiah, pelatih yang bertugas di kebun berkenaan juga bertanggungjawab di dalam proses menyiram, membaja dan memastikan kawasan kebun berkenaan teratur serta kemas.

"Pelatih yang bertugas diberikan elaun setiap bulan dan mereka bertugas seperti waktu petugas lain bekerja iaitu dari pukul 8 pagi hingga 5 petang.

"Aktiviti penanaman sayur-sayuran ini dapat menjadikan pelatih lebih fokus dan mereka dapat membina keyakinan diri ketika berdepan dengan orang ramai yang datang membeli sayur-sayuran di sini," katanya.



SITI Ropiah Bawa memegang pokok kesum yang ditanam menggunakan kaedah hidroponik di PPDK Teluk Bahang.



Menastikan sayur-sayuran kekal terjaga selain menjalankan aktiviti jual beli. A RAMLI



KONSEP kebun bandar yang mengubah ruang PPDK Teluk Bahang menjadi terapi buat golongan istimewa di situ.



BENGKEL pertanian di PPDK Teluk Bahang menggamit perhatian pelawat yang gemar berkebun.



PELATIH di PPDK Teluk Bahang menuai salad yang ditanam dengan menggunakan kaedah hidroponik sebelum dijual kepada peraih dan komuniti setempat.

Berkebun pulihkan imej

SITI Ropiah berkata, aktiviti berkebun yang menjana pendapatan itu juga sedikit sebanyak menghakis persepsi orang ramai terhadap golongan istimewa ini.

"Pelatih di sini terdiri daripada mereka yang mempunyai masalah pembelajaran, autisme dan sebagainya.

"Ramai yang beranggapan anak-anak ini tidak dapat berdikari, namun aktiviti di PPDK ini mengubah tanggapan bahawa anak-anak ini juga mampu bekerja dan menjana pendapatan sendiri," katanya.

Siti Ropiah berkata, setiap pelatih di PPDK sebenarnya mempunyai bakat dan kemampuan istimewa masing-masing cuma ia perlu digilap agar pelatih lebih berkeyakinan untuk menjalankan tugas.

"Sebagai contoh, di bengkel pertanian ini, kami sendiri melihat perkembangan pelatih.

"Daripada tidak yakin bertemu dengan pelanggan mereka kini lebih bersedia berdepan dengan orang ramai dan mampu melakukan aktiviti jual beli dengan pelanggan.

"Malah pelatih juga mampu menjual sayur-sayuran yang dituai kepada peraih di pasar awam. Jika diberi peluang sedikit masa lagi beberapa pelatih yang bertugas menjaga bengkel pertanian ini mampu bekerja di luar," katanya.

Siti Ropiah berkata, hasil tuai sayur-sayuran di PPDK Teluk Bahang itu sentiasa mendapat sambutan penduduk setempat yang



RUANG di bengkel pertanian PPDK Teluk Bahang turut menjadi lokasi bagi pelatih menjalankan modul-modul pembelajaran bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran seperti kemahiran motor kasar dan motor halus.

yakin dengan kesegaran produk sayuran yang ditanam di situ.

"Kebun di PPDK ini juga sentiasa dalam pemantauan Jabatan Pertanian negeri bagi memastikan sayur-sayuran yang ditanam berkualiti.

"Sistem tanaman yang menggunakan sistem hidroponik juga memerlukan pemantauan kerana ia memerlukan air serta baja yang mencukupi bagi memastikan tanaman segar dan berkualiti," katanya.

Selain bengkel tanaman sayur, Siti Ropiah berkata, pelatih juga dilatih dengan pelbagai latihan lain untuk

kemahiran diri mereka.

"Antara kemahiran yang diajar kepada pelatih ialah kemahiran motor kasar, kemahiran motor halus, perkembangan sosial, perkembangan bahasa dan lain-lain.

Kemahiran motor halus berkaitan pergerakan tangan dan motor kasar berkaitan dengan otot seperti duduk, merangkak dan bermain.

"Pelatih juga diajar ilmu pengurusan diri sendiri, pra-menulis, membaca, mengira dan melukis serta pelbagai kemahiran lain untuk membolehkan mereka berdikari," katanya.